

TEKS UCAPAN

NAIB CANSOLOR UiTM

YANG BERBAHAGIA

PROF. DATUK DR. HAJAH ROZIAH JANOR

SIDANG KE-11 (PETANG)

ISTIADAT KONVOKESYEN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA KE – 96

DI DEWAN AGUNG TUANKU CANSOLOR

UiTM SHAH ALAM

25 MEI 2023 (KHAMIS)

Terima kasih Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.

**ALHAMDULILLAHI ROBBIL ‘AALAMIIN
WASOLAATU WASSALAAMU ‘ALAA ASYRAFIL
ANBIYAAI WAL MURSALIIN
WA ‘ALAAALIHI WASOHBIBI AJMA’IN.**

- Barisan Pengurusan Eksekutif Universiti
- Barisan Pengurusan Kanan Universiti
- Kakitangan Akademik dan Pentadbiran
- Para Ibu Bapa, Penjaga dan Graduan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurnia-Nya, dapat kita bersama-sama pada pagi ini di dalam **Istiadat Konvokesyen ke-96, Universiti Teknologi MARA.**

2. Pada **Sidang ke-11** ini, kita bakal meraikan seramai **1,150** graduan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma daripada **Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (F.B.M).**

Data **Graduan Tamat Pengajian Dalam Tempoh** bagi **F.B.M** secara keseluruhannya mencatatkan pencapaian sehingga **88%**.

3. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada para graduan atas hasil usaha dan dedikasi sehingga berjaya menamatkan pengajian. Syabas diucapkan kepada ibu

bapa, penjaga dan ahli keluarga yang telah turut sama memainkan peranan dalam kejayaan ini.

4. Tidak dilupakan, tenaga akademik dan pentadbiran UiTM yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan seseorang graduan.

Hadirin yang dihormati,

5. UiTM terus meningkatkan usaha strategik di dalam menyediakan graduan yang kompeten dan *market-ready* bagi mendepani permintaan industri. Lantaran itu, program akademik yang ditawarkan oleh F.B.M khususnya, telah mendapat akreditasi daripada beberapa badan profesional seperti **Chartered Institute of Marketing**, **Asia Institute for Event Management**, **Chartered Institute of Logistics and Transport** dan **Finance Accreditation Agency**.

6. Hal ini menyebabkan program UiTM dikenali di peringkat global. UiTM telah diiktiraf sebagai **Best University for Internationalization Best Practices** oleh European Marketing and Management Association melalui program F.B.M.

Para hadirin yang dihormati,

7. Dalam melahirkan graduan berorientasikan global, UiTM telah melaksanakan **Perjanjian Persefahaman** dengan pelbagai institusi dan organisasi di dalam negara dan luar negara. Antaranya bersama **Malaysia Building Society Berhad**, **European Marketing and Management Association (EUMMAS)**, **Skyline University College**, dan **City University Ajman, U.A.E.**

8. Kolaborasi penyelidikan juga dilaksanakan dengan penglibatan staf dan pelajar melalui geran penyelidikan berjumlah lebih kurang **1.8 juta Ringgit** yang diperoleh daripada rakan kerjasama di peringkat nasional dan antarabangsa.

Hadirin sekalian,

9. Dengan matlamat universiti untuk memastikan graduan mendapatkan pekerjaan seawal 6 bulan pertama selepas bergraduasi. Alhamdulillah, peratusan kebolehpasaran graduan terkini bagi Pengurusan dan Perniagaan mencatatkan **87.8%**.

10. Baru-baru ini, UiTM telah menerima **Anugerah Universiti Pilihan Majikan** melalui **Penarafan Indeks Kebangsaan Kebolehpasaran Graduan** oleh **Talentbank**. Dan bidang Pengurusan Perniagaan telah menerima **6 Bintang**. Syabas!

11. Kecemerlangan UiTM ini juga dapat dilihat melalui kejayaan para alumni yang hebat. Seperti **Dato' Seri Ahmad Farid Redzuan** yang merupakan **C.E.O Media Prima Berhad** dan **Dato' Seri Mohamed Shazalli Ramly** merupakan mantan **C.E.O Boustead Holdings Berhad**. Saya yakin, para graduan juga mampu untuk menyumbang bakti kepada negara seperti mereka.

12. Kemenjadian graduan juga dapat dilihat melalui pencapaian mereka. Dua kumpulan inovasi pelajar iaitu kumpulan **Go Thru Logistic** dan **Real Steel Logistic** dari program **Bachelor of Business (Transport)** telah mengharumkan nama UiTM di peringkat Asia Tenggara apabila memenangi **Tempat ke-2** dan menerima **The Most Promising Paper Award** dalam **International Project Logistic Competition**.

Para graduan yang dikasihi,

13. Kejayaan yang dikecapi hari ini tidak akan membuahkan hasil tanpa adanya pengorbanan daripada ibu bapa, penjaga serta keluarga. Pesan saya, kenanglah jasa dan pengorbanan mereka.

14. Saya bagi pihak Universiti ini sentiasa berdoa agar para graduan terus cemerlang dan berjaya dalam segala lapangan yang diceburi.

15. “Dayung sudah di tangan, Perahu sudah di air”.
Mulakanlah langkah para graduan sebagai alumni UiTM dengan penuh iltizam.

16. Akhir sekali, dengarkan serangkap pantun sebagai penutup bicara.

Tiang seri saiznya besar

Menjadi tonggak di tengah ruang

Harapan negara sangatlah besar

Usaha berterusan, pasti cemerlang.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,